05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# ANALISIS CIRI REPERTOIR, TEKNIK VOKAL DAN KAEDAH LATIHAN KOIR CEMERLANG SEKOLAH RENDAH

JOSHUA RAJ A/L PITCHEMUTHU

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# ANALISIS CIRI REPERTOIR, TEKNIK VOKAL DAN KAEDAH LATIHAN KOIR CEMERLANG SEKOLAH RENDAH

JOSHUA RAJ A/L PITCHEMUTHU

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DISERTASI INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT PENGANUGERAHAN IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN MUZIK
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda ( )

| | |
|---|---|
| Kertas Projek | |
| Sarjana Penyelidikan | |
| Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus | √ |
| Doktor Falsafah | |

## INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

## PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

**Perakuan ini telah dibuat pada 12 JANUARI 2021**

**Student'Declaration:**

**Saya, JOSHUA RAJ A/L PITCHEMUTHU, M20181001236 FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN dengan ini mengaku bahawa tesis yang bertajuk ANALISIS CIRI REPERTOIR, TEKNIK VOKAL DAN KAEDAH LATIHAN KOIR CEMERLANG SEKOLAH RENDAH adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.**

____________________

**Tandatangan pelajar**

**Supervisor's Declaration:**

**Saya PROFESSOR DR MOHD HASSAN ABDULLAH dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk ANALISIS CIRI REPERTOIR, TEKNIK VOKAL DAN KAEDAH LATIHAN KOIR CEMERLANG SEKOLAH RENDAH dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh Ijazah**

**SARJANA PENDIDIKAN MUZIK.**

____________________ ____________________

**Tarikh** **Tandatangan Penyelia**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /**
**INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

## BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/LAPORAN KERTAS PROJEK
## DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

**Tajuk / Title:** ANALISIS CIRI REPERTOIR, TEKNIK VOKAL DAN KAEDAH LATIHAN KOIR CEMERLANG SEKOLAH RENDAH

**No. Matrik / Matric's No.:** M20181001236

**Saya / I:** JOSHUA RAJ A/L PITCHEMUTHU

(Nama pelajar / Student's Name)

Mengaku membenarkan Tesis/Desertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
Acknowledge that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek adalah hak milik UPSI.
   The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
   Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
   The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan sainan Tesis/Disertasi ini bagi kategori TIDAK TERHAD.
   The library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissestation.
5. Sila tandakan ( ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ) for category below:-

| | | |
|---|---|---|
| ☐ | SULIT/CONFIDENTIAL | Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972 |
| ☐ | TERHAD/RESTRICTED | Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done. |
| ☐ | TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS | |

(Tandatangan Pelajar / Signature)

Tarikh: 21 · 1 · 2021

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Catatan: Jika Tesis/Disertesi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.
Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentially or restriction.

Profesor Dr. Mohd Hassan Abdullah
Fakulti Muzik dan Seni Persembahan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
?0 Tanjong Malim, Perak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


# PENGHARGAAN

Terlebih dahulu bersyukur kepada Tuhan Yang Maha Kuasa kerana dengan izinnya dapat saya berjaya menyiapkan kajian penyelidikan ini. Saya mengambil peluang ini merakamkan penghargaan yang tidak terhingga dan ucapan jutaan terima kasih kepada penyelia saya Profesor Dr. Mohd Hassan Abdullah yang sedia menerima saya sebagai pelajar bawah seliaannya serta memberi tunjuk ajar untuk menyiapkan kajian penyelidikan ini. Keprihatinan serta kesediaan beliau membantu saya sepanjang tempoh pencalonan saya amat saya hargai. Beliau tidak jemu-jemu membimbing saya dari titik permulaan sehingga kini. Jasa beliau tidak dapat dibalas hanya mampu dikenang sehingga akhir ayat. Penghargaan ini juga ingin saya tunjukkan kepada Puan Hjh Amanah binti Mohd Nor, bekas pensyarah cemerlang Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar, Seremban yang telah menyemak bahasa hasil penulisan penyelidikan yang baik mengikut standard bahasa Malaysia. Setinggi-tinggi penghargaan juga disampaikan kepada semua subjek kajian yang terdiri daripada guru koir dan ahli kumpulan koir sekolah rendah di atas perkongsian ilmu mereka kepada penyelidik. Setiap konduktor kumpulan telah memberi layanan yang amat selesa dan memberi sumbangan dengan berkongsi sumber-sumber yang diperlukan bagi melengkapkan dapatan kajian ini. Jutaan terima kasih diucapkan kepada Dr. V. Arulnathan, Pn. S. Arukia Meray dan En. T. James Moorthi yang sentiasa memberi motivasi serta mendorong untuk meneruskan pengajian master ini. Selain itu, tidak lupa kepada ibu bapa iaitu En. T. Pitchemuthu dan Pn. S. Josina dan adik-beradik tercinta yang memberi sokongan dan dorongan kepada saya agar penyelidikan ini dapat dijalankan dengan sempurna. Tidak lupa, terima kasih juga buat ibu mertua Pn. S. Sudhandhiramary di atas doa dan sokongan. Akhir sekali, penghargaan turut didedikasikan kepada insan yang terdekat dan penting dalam hidup penyelidik iaitu isteri tercinta iaitu Pn. D. Florence Monica yang dicintai. Berkat doa dan kefahaman beliau memberi penyelidik ruang menghabiskan penulisan ini dengan sokongan moral yang amat diperlukan. Semoga Tuhan yang Maha Kuasa dapat membalas segala jasa dan budi yang dihulurkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## ABSTRAK

Pertandingan koir merupakan satu medan persaingan yang hebat antara sekolah-sekolah rendah yang bertanding. Persaingan ini wujud kerana pasukan koir masing-masing ingin memperoleh pingat emas, meningkatkan mutu ataupun menunjukkan kualiti persembahan mereka. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk melihat ciri-ciri repertoir, penguasaan teknik vokal dan pelaksanaan kaedah latihan kumpulan koir berprestasi cemerlang untuk memperoleh kemenangan dalam pertandingan koir di kebangsaan dan di peringkat antarabangsa. Sebanyak tiga buah kumpulan koir sekolah rendah berprestasi cemerlang di Negeri Selangor telah terlibat dalam kajian ini. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes dengan kaedah kualitatif. Data bagi kajian ini diperoleh melalui tiga instrumen iaitu analisis dokumen, temu bual, dan pemerhatian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa proses pemilihan repertoir berpusatkan kumpulan koir dan penguasaan teknik vokal melalui kaedah latihan telah menyumbang kemenangan sesebuah kumpulan koir berprestasi cemerlang. Pengkaji berharap kajian ini dapat memberi manfaat serta panduan yang berguna kepada pentadbiran, guru-guru muzik sekolah rendah berkaitan pedagogi koral dan pelbagai faktor yang mempengaruhi kejayaan kumpulan koir sekolah rendah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



# CHARACTERISTICS ANALYSIS OF REPERTOIRE, VOCAL TECHNIQUE AND TRAINING METHODS OF PRIMARY SCHOOL CHOIR

## ABSTRACT

Choir competitions are a great competitive platform for competing schools. This competition exists because each choir group wants to win a gold medal, improve the quality or to showcase the quality of their performances. Therefore, this study aims to look at repertoire characteristics, mastery of vocal techniques and the successful performing group choir training methods executed by outstanding choir groups to win awards at national and international choir competitions. Three top performing primary school choir groups in the State of Selangor were involved in this study. This study uses case study design with qualitative method. Data for this study were obtained through three instruments namely document analysis, interviews, and observations. The findings show that the process of selecting a choir-centered repertoire and mastery of vocal techniques through training have contributed to the success of a well-performing choir. This study will provide useful and helpful guidance to administrators, primary school music teachers on choral pedagogy and the various factors that influence the success of the primary school choir.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



# KANDUNGAN

**Muka Surat**


| | | |
|---|---|---|
| **BORANG PERAKUAN** | | ii |
| **BORANG PENGESAHAN** | | iii |
| **PENGHARGAAN** | | iv |
| **ABSTRAK** | | v |
| **ABSTRACT** | | vi |
| **ISI KANDUNGAN** | | vii |
| **SENARAI JADUAL** | | xii |
| **SENARAI RAJAH** | | xiii |
| **SENARAI LEMBARAN** | | xiv |
| **BAB 1 PENGENALAN** | | |
| 1.1 | Pengenalan | 1 |
| 1.2 | Latar Belakang Kajian | 2 |
| 1.3 | Penyataan Masalah | 6 |
| 1.4 | Objektif Kajian | 9 |
| 1.5 | Persoalan Kajian | 9 |
| 1.6 | Definisi Operasional | 10 |
| 1.7 | Batasan Kajian | 11 |
| 1.8 | Kepentingan Kajian | 12 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**BAB 2 TINJAUAN LITERATUR**


2.1 Pengenalan 14

2.2 Kumpulan Koir Sekolah Rendah 15

2.3 Pertandingan Koir 18

2.4 Repertoir 19

2.4.1 Irama 21

2.4.2 Melodi 23

2.4.3 Dinamik 24

2.4.4 Harmoni 25

2.4.5 Struktur 27

2.4.6 Tekstur 27

2.4.7 Warna Ton 29

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5 Teknik Vokal 31

2.5.1 Pernafasan 31

2.5.2 Postur 32

2.5.3 Sebutan 33

2.5.4 Artikulasi 34

2.5.4.1 Huruf Vokal 34

2.5.4.2 Huruf Konsonan 34

2.5.5 Resonance 35

2.6 Kaedah Latihan 36

2.6.1 Isyarat Tangan dan Nyanyian Solfa 37

2.6.2 Pergerakan 39

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



2.6.3 Sebutan Irama 40

2.7 Kajian Lepas Tempatan 40

2.8 Kajian Luar Negara 41

2.8.1 Ciri-ciri repertoir koir 41

2.8.2 Teknik Vokal 43

2.8.3 Kaedah Latihan 47

3.0 Rumusan 50

**BAB 3 METODOLOGI**

3.1 Pengenalan 51

3.2 Reka Bentuk Kajian 52

3.2.1 Kerangka Teori Kajian 52

3.3 Subjek Kajian 55

3.3.1 Kumpulan Koir Satu 56

3.3.2 Kumpulan Koir kedua 56

3.3.3 Kumpulan Koir Ketiga 56

3.4 Prosedur Menjalankan Kajian 57

3.5 Kaedah Pengumpulan Data 59

3.5.1 Kaedah Analisis Dokumen 59

3.5.2 Kaedah Temu Bual 60

3.5.3 Kaedah Pemerhatian 61

3.6 Prosedur Penganalisisan Data 62

3.7 Kesahan dan Kebolehpercayaan 64

3.7.1 Kesahan Analisis Dokumen 65


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



3.7.2 Kesahan Temu Bual 66

3.7.3 Kesahan Pemerhatian 67

4.0 Kesimpulan 67

**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1 Pengenalan 68

4.2 Dapatan-dapatan Kajian 69

4.2.1 Analisis ciri-ciri repertoir 69

4.2.2 Pengendalian Elemen Muzik 89

4.3 Teknik Vokal 94

4.3.1 Postur dan Pernafasan 95

4.3.2 Resonance dan Placement 99

4.3.3 Sebutan dan Phonation 101

4.3.4 Penguasaan Teknik Vokal 104

4.4 Kaedah Latihan 108

4.4.1 Nyanyian Solfa dan Isyarat Tangan 109

4.4.2 Sebutan Irama dan Pergerakan 110

4.4.3 Teori Muzik dan Permainan 111

4.4.4 Bahan Bantu Mengajar (BBM) 112

4.4.5 Demonstrasi 115

4.4.6 Voice Exploration 117

4.4.7 Pelaksanaan Kaedah Latihan 118

**BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN**

5.1 Pengenalan 123


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


5.2 Rumusan dapatan-dapatan kajian 124

5.2.1 Ciri-ciri repertoir yang baik 124

5.2.2 Penguasaan teknik vokal 128

5.2.3 Pelaksanaan kaedah latihan 129

5.3 Kesimpulan 132

5.4 Cadangan Aplikasi 133

5.5 Cadangan Kajian Lanjutan Masa Hadapan 134

5.6 Penutup 135

**BIBLIOGRAFI**

**LAMPIRAN A**

**LAMPIRAN B**

**LAMPIRAN C**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


# SENARAI JADUAL

**No. Jadual** **Muka Surat**


1.1 Jenis Diploma dan Pemarkahan 5

3.1 Kaedah Pengumpulan data mengikut persoalan kajian 59

3.2 Analisis Data Kualitatif 64

4.1 Judul Lagu. 70

4.2 Tempo Lagu 72

4.3 Motif Lagu 75

4.4 Jenis Melodi 76

4.5 Renj dan Nada 88

4.6 Pelaksanaan Teknik Vokal oleh Kumpulan-kumpulan Koir 95

4.7 Penggunaan bahan bantu mengajar 113


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## SENARAI RAJAH


| No. Rajah | | Muka Surat |
|---|---|---|
| 2.1 | Kategori Kumpulan Suara Koir nombor frekuensi | 16 |
| 2.2 | Tujuh elemen muzik | 20 |
| 2.3 | Jenis-jenis susunan melodi | 23 |
| 2.4 | Tahap dan Renj Suara Murid-murid | 30 |
| 2.5 | Isyarat Tangan dan Solfa | 38 |
| 3.1 | Kerangka Teori Kajian | 54 |
| 3.2 | Prosedur Menjalankan Kajian | 58 |
| 4.1 | Tekstur Lagu Getaran Jiwa dan The Summer Vacation | 85 |
| 4.2 | Tekstur Lagu Alexander’s dan Kookaburra | 86 |
| 4.3 | Tekstur Lagu Menceceh Bujang Lapok dan This is Me | 87 |
| 4.4 | Demonstrasi Postur Berdiri | 96 |
| 4.5 | Bentuk Mulut bagi bunyi vokal | 103 |
| 4.6 | Ilustrasi proses pernafasan | 105 |
| 4.7 | Bahagian-bahagian Resonance | 106 |
| 4.8 | Proses Permainan Voice Exploration | 121 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## SENARAI LAMPIRAN


A Borang Analisis Skor Lagu

B Transkrip

C Skor Lagu


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# BAB 1

# PENGENALAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.1 Pengenalan

Bab ini akan menerangkan tentang koir cemerlang sekolah rendah khususnya di negeri Selangor. Bab ini juga akan menghuraikan tentang beberapa perkara utama kajian ini iaitu latar belakang kajian, penyataan masalah, objektif, persoalan, definisi operational, batasan, dan kepentingan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 1.2 Latar Belakang Kajian

Koir merupakan ensembel muzik yang terdiri daripada nyanyian lagu secara beramai-ramai membentuk nyanyian berharmoni. Koir sekolah rendah merupakan aktiviti penting kepada murid-murid bawah umur tujuh hingga dua belas tahun. Penglibatan dalam koir memberi pengalaman muzikal serta transformasi dalam hidup. Selain itu, penglibatan dalam koir juga menyediakan saluran untuk mengembangkan emosi dan intelektual dalam seseorang murid (Rajemoney, 2005). Di luar negara, koir sekolah rendah dikenali sebagai *children's choir* dan bermula abad ke-20; koir sekolah rendah telah menjadi suatu pembelajaran penting dalam Muzik *Choral* Barat. Hal ini sedemikian kerana koir sekolah rendah mempunyai potensi yang tinggi untuk membentuk seorang insan yang cemerlang (Huibrecht, Martina dan Rita,2009).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sehubungan dengan potensi, Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), menyatakan bahawa pendidikan harus memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang harmonis dari segi intelek, rohani dan jasmani. Oleh yang sedemikian, Kurikulum Dunia Muzik memberi penekanan dalam bidang nyanyian iaitu dalam modul Pengalaman Muzikal, murid-murid mendapat pendedahan dalam nyanyian secara solo mahupun dalam kumpulan (koir) bawah bidang terokai muzik (DSKP, 2011).

Oleh yang demikian, koir telah menjadi salah satu komponen dalam Kokurikulum di sekolah rendah dan menengah. Terdapat beberapa sekolah telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


menubuhkan kelab koir sekolah. Kelab koir ini akan membuat persembahan pada majlis-majlis seperti Hari Anugerah Kecemerlangan Sekolah, Bulan Patriotik, Sambutan Hari Guru dan pada majlis-majlis tertentu sahaja namun, tidak semua sekolah yang menubuhkan kelab koirnya (Rajemoney, 2005).

Alan C. M (2001), menyatakan bahawa koir memberi impak yang besar kepada murid-murid tentang pembelajaran kemahiran sosial melalui pengalaman mereka. Beliau juga menggariskan bahawa dua jenis kurikulum yang dapat dipelajari oleh murid-murid melalui kelas muzik. Antaranya ialah, “kurikulum kognitif” dan “kurikulum tersirat”. Kurikulum Kognitif akan membantu murid-murid untuk mempelajari pengetahuan asas tentang muzikal manakala Kurikulum Tersirat pula, membantu murid-murid tentang kemahiran sosial dan pembelajaran sosial hari demi hari. Dalam hal ini McClung juga mencadangkan koir sekolah rendah ialah saluran yang berkesan untuk murid-murid mempelajari kemahiran sosial dan pembelajaran sosial.

Selain itu, koir juga menjadi landasan rekreasi dan pengisi masa senggang murid-murid kerana koir boleh menjadi salah satu aktiviti pilihan sekolah yang boleh membendung gejala sosial yang wujud kini. Koir juga dapat memberi penekanan ke arah pembentukan kualiti diri dan sahsiah murid merangkumi aspek perasaan, kreativiti, nilai sosialisasi, estetika dan etika. Di samping itu, koir juga berfungsi sebagai pendorong yang bergerak untuk memikir dengan lebih baik ke arah peningkatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


diri kerana penglibatan dalam aktiviti koir memerlukan komitmen dan disiplin diri yang tinggi (Rao, 2012).

Koir juga dapat mencungkil bakat murid dan sekali gus membina keyakinan dalam diri murid. Penglibatan murid seperti menyertai pertandingan aktiviti koir dapat menyumbang markah yang tinggi dalam Pentaksiran Aktiviti Jasmani Sukan (PAJSK). Dengan markah yang tinggi ini memberi murid-murid peluang untuk memasuki sekolah berasrama penuh atau sekolah permata dengan lebih mudah selepas tamat persekolahan rendahnya. Selain daripada itu, beberapa anugerah seperti Anugerah Adiwira, Anugerah Terbaik dalam Kokurikulum, dan beberapa anugerah dapat diberikan kepada murid-murid yang terlibat dalam pertandingan pada peringkat sekolah hingga peringkat antarabangsa. Sehubungan dengan itu, koir dalam bentuk pertandingan merupakan aktiviti yang popular. Ini adalah kerana mudah mendapatkan penyertaan murid di samping keperluan masa latihan yang agak singkat (Rao, 2012). Banyak badan kerajaan dan bukan kerajaan telah menganjurkan pertandingan koir pada peringkat kebangsaan dan peringkat antarabangsa.

Menurut Saw (2011), banyak persatuan badan kerajaan dan bukan kerajaan telah menganjurkan pertandingan koir pada peringkat kebangsaan dan peringkat antarabangsa. Setiap pertandingan koir ini akan menyediakan tiga kategori pemenang. **Jadual 1.1** menunjukkan kategori pemenang berdasarkan pemarkahan oleh para juri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Jadual 1.1

*Jenis Diploma dan Pemarkahan*

| Jenis Diploma | Gred | Markah |
|---|---|---|
| Emas / *Gold* | A | 90 ke atas |
| | B | 85 ke 89.90 |
| | C | 80 ke 84.90 |
| Perak / *Silver* | A | 75 ke 79.90 |
| | B | 70 ke 74.90 |
| | C | 65 ke 69.90 |
| Gangsa / *Bronze* | A | 60 ke 64.90 |
| | B | 55 ke 59.90 |
| | C | 40 ke 54.90 |

Berdasarkan pemerhatian pengkaji, tidak banyak sekolah terlibat dalam pertandingan-pertandingan koir yang telah dilaksanakan. Berdasarkan rekod Jabatan Pendidikan Negeri Selangor terdapat 633 buah sekolah rendah namun hanya 15 hingga 20 buah sekolah sahaja yang menghantar penyertaan dalam pertandingan koir sekolah rendah. Rajamoney (2005), menyatakan bahawa tidak mudah kumpulan koir menyertai pertandingan koir. Hal ini adalah kerana bagi mengekalkan kualiti sesebuah kumpulan koir itu merupakan satu cabaran yang besar. Perkara seperti teknik vokal, pemilihan repertoir, kaedah latihan, dan peranan konduktor merupakan faktor yang penting untuk menyumbang kemenangan di samping pengekalan kualiti kumpulan koir. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk melihat ciri-ciri kumpulan koir berprestasi cemerlang di sekolah rendah untuk memperoleh diploma emas dalam pertandingan koir di mana-mana peringkat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 1.3 Penyataan Masalah

Pertandingan koir merupakan satu medan persaingan yang hebat antara sekolah-sekolah yang bertanding. Persaingan ini wujud kerana pasukan koir masing-masing ingin memperoleh pingat emas, meningkatkan mutu ataupun menunjukkan kualiti persembahan mereka. Berdasarkan pemerhatian penyelidik tidak banyak pasukan koir sekolah yang memenangi pingat emas.

Pemilihan repertoir harus berdasarkan usia dan kebolehan kumpulan koir itu sendiri (Kathryn, 2014). Banyak kajian telah dijalankan berkaitan pemilihan repertoir koir dengan memberi tumpuan kepada skor yang berpusatkan kumpulan koir itu (Charles, 2010; Scott, 2011; Cynthia, 2015). Berdasarkan analisis dokumen penjurian, didapati bahawa pemilihan lagu tidak tepat. Lagu-lagu yang dipilih oleh pasukan koir tersebut tidak sesuai untuk tahap murid-murid tersebut. Hal ini kerana pemilihan repertoir nada major dan nada minor terlalu tinggi atau terlalu rendah bagi murid-murid sekolah rendah. Selain itu, ciptaan melodi lagu tidak sesuai bagi tahap murid sekolah rendah seperti jarak antara notasi melodi agak sukar untuk dinyanyikan. Istilah lain, ciptaan lagu yang mempunyai banyak *jumping notes* membuatkan murid-murid sekolah rendah sukar untuk menyanyikannya dengan pic yang tepat. Mengikut Scott Micheal (2011), repertoir ciptaan suara seperti suara Soprano dan Alto haruslah mengikut tahap kebolehan menyanyi murid. Kegagalan ini menyebabkan murid-murid tidak dapat mempersembahkan lagunya dengan baik dan menyebabkan kualiti tidak cemerlang. Beliau juga menyatakan bahawa teks, bahasa dan bentuk lagu yang tidak sesuai juga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


menyebabkan murid-murid gagal mempersembahkan koir dengan cemerlang dan sekali gus gagal memperoleh pingat emas dalam pertandingan.

Pengetahuan kumpulan koir berkaitan teknik vokal seperti postur, pengurusan pernafasan menjurus kepada meningkatkan penghasilan ton (Zabriskkie, 2010). Menurut Fauzila (2018), teknik vokal yang bagus dapat menghasilkan nyanyian koir yang cemerlang. Kekurangan kemahiran teknik vokal juga membuatkan kebanyakan sekolah yang menyertai pertandingan koir tidak dapat membuat persembahan yang cemerlang. Dalam konteks ini, pengetahuan pedagogi koral seperti postur, pengurusan pernafasan, teknik pemanasan suara, *resonance, diction,* sebutan, dan *placement* perkara harus dititikberatkan oleh kumpulan koir.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan analisis dokumen penjurian, kualiti ton tidak baik, sebutan tidak jelas, menyanyi tidak mengikut tempo, julat vokal kumpulan perlu dititikberatkan, pic tidak tepat, pernafasan tidak betul, dan lain-lain aspek lagi harus dititikberatkan. Masalah-masalah ini membuatkan pasukan koir sekolah tidak mempersembahkan persembahan koir yang berkualiti tinggi. Hal ini kerana murid-murid tidak dapat menyanyi dengan harmoni dan pic suara tidak tepat. Selain daripada itu, juri juga menggariskan bahawa guru-guru pengurus koir kurang mempunyai kemahiran teknik vokal.

Antel (2010) dan Henry (2011) berpendapat bahawa kaedah latihan membimbing repertoir dan teknik vokal bagi pencapaian kecemerlangan sesuatu kumpulan koir. Mereka menegaskan bahawa kaedah latihan yang berkesan amat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


memerlukan untuk membantu murid-murid koir dalam memahami kehendak repertoir dengan teknik vokal dapat membuat persembahan dengan cemerlang. Penggunaan kaedah Kodaly seperti isyarat tangan, nyanyian solfa dalam membimbing kumpulan koir yang diperlukan. Dalam memahami repertoir dan teknik vokal seperti pergerakan, sebutan irama, permainan dan demonstrasi memberi perhatian adalah sangat penting. Penggunaan badan seperti pergerakan dalam proses belajar merupakan salah satu kaedah latihan yang sangat bermakna dan perlu dititikberatkan dalam bimbingan koir sekolah rendah (Antel, 2010).

Susanna Saw (2011) menjelaskan bahawa tidak banyak kumpulan koir yang mengambil bahagian dalam pertandingan koir. Hal ini disebabkan kekurangan guru yang berkemahiran mengendalikan sesebuah kumpulan koir seperti kaedah latihan dan cara memimpin koir. Selain itu, kekurangan pengetahuan kaedah latihan ahli kumpulan koir juga menyebabkan kumpulan koir yang bertanding tidak dapat menghasilkan koir yang cemerlang dalam medan pertandingan. Persembahan koir yang baik juga berpandukan kaedah latihan supaya murid-murid dapat mempersembahkan nyanyiannya dengan penuh keyakinan serta cemerlang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh yang demikian, apakah yang dimaksudkan dengan kumpulan koir yang berprestasi cemerlang dan apakah ciri-ciri koir yang perlu untuk meningkatkan mutu dan kualiti sesebuah koir berprestasi cemerlang? Apakah kaedah yang digunakan untuk mengekalkan kualiti sesebuah kumpulan koir itu? Ini adalah antara persoalan yang dikaji dan dicari penyelesaiannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 1.4 Objektif Kajian

Kajian yang dijalankan adalah berdasarkan objektif-objektif berikut:

1. Menganalisis ciri-ciri repertoir yang telah digunakan oleh kumpulan koir yang berprestasi cemerlang.
2. Meninjau teknik-teknik vokal yang telah digunakan oleh kumpulan koir yang berprestasi cemerlang.
3. Meninjau kaedah latihan yang telah digunakan oleh kumpulan koir yang berprestasi cemerlang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.5 Persoalan Kajian

Penyelidikan ini menjurus dalam menjawab soalan-soalan berikut:

1. Apakah ciri-ciri repertoir yang baik yang telah digunakan oleh kumpulan koir yang berprestasi cemerlang?
2. Apakah teknik vokal yang telah digunakan oleh kumpulan koir yang berprestasi cemerlang?
3. Apakah kaedah latihan yang digunakan oleh kumpulan koir yang berprestasi cemerlang?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 1.6 Definisi Operasional

Konsep yang akan digunakan dalam kajian ini tertakluk kepada definisi operasional seperti berikut.

### 1.6.1 Repertoir

Mengikut Kamus Dewan, repertoir merupakan gubahan yang lengkap disediakan untuk semua jenis muzik, nyanyian dinyanyikan oleh penyanyi atau pemuzik. Repertoir dalam penyelidikan ini dirujuk kepada gubahan skor berdasarkan elemen-elemen muzik yang telah digunakan oleh kumpulan koir yang berprestasi cemerlang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 1.6.2 Teknik Vokal

Teknik vokal merujuk kepada postur, pernafasan, *phonation*, *resonance*, *diction*, ekspresi, dan unsur dinamik yang perlu dilihat dalam nyanyian solo mahupun nyanyian koir (Julia & Stephen,2012). Dalam penyelidikan ini, pengkaji akan melihat perkara-perkara yang dinyatakan oleh Julia dan Stephen dalam kumpulan koir yang berprestasi cemerlang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 1.6.3 Kaedah Latihan

Mengikut Kamus Dewan, kaedah merujuk kepada cara atau peraturan untuk membuat sesuatu. Manakala latihan pula merujuk kepada didikan atau pelajaran untuk memahirkan ajaran yang diterima. Kaedah latihan dalam penyelidikan ini merujuk kepada *hand-sign*, pergerakan dan yang lain-lain cara telah digunakan oleh kumpulan koir yang berprestasi cemerlang.

### 1.6.4 Berprestasi Cemerlang

Mengikut Kamus Dewan, berprestasi merujuk kepada pencapaian manakala cemerlang pula merujuk kepada kejayaan. Berprestasi cemerlang dalam penyelidikan ini merujuk kepada pencapaian kejayaan dalam pertandingan koir sekolah rendah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dengan mendapat pingat emas berturut-turut.

## 1.7 Batasan Kajian

Dengan merujuk ciri-ciri koir sekolah rendah berprestasi cemerlang, pengkaji menggunakan tiga kumpulan koir sekolah rendah yang memenangi pingat emas dalam pertandingan koir sekolah rendah pada peringkat kebangsaan dan pada peringkat antarabangsa sebagai model kepada sumber inspirasi dari sudut akademik. Kumpulan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



koir ini juga hanya terbatas kepada kumpulan koir sekolah rendah berusia 7 hingga 12 tahun sahaja. Batasan kajian dikenal pasti berdasarkan potensi dan sumbangan kejayaan yang telah mereka capai dan mewujudkan pemahaman mendalam berkaitan fenomena yang ingin kaji.

## 1.8 Kepentingan Kajian

Analisis yang komprehensif terhadap kumpulan koir sekolah rendah adalah penting kepada pentadbir sekolah, kajian akademik dan pengurus kumpulan koir sekolah rendah. Kajian ini boleh menjadi kajian yang pertama di sekolah rendah di Malaysia dalam membentuk kumpulan koir sekolah rendah dengan menganalisis ciri-ciri kumpulan koir sekolah rendah yang memenangi pingat emas dalam pertandingan koir sekolah rendah pada peringkat kebangsaan dan peringkat antarabangsa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 1.8.1 Pengurus Sekolah

Kajian ini dapat menjadi panduan kepada pengurus sekolah di mana-mana sekolah yang ingin menubuhkan kelab koir sekolah pada masa akan datang. Guru-guru penasihat kelab koir dalam aktiviti kokurikulum boleh menjadikan kajian ini sebagai rujukan dalam memahami perkara-perkara yang perlu diambil berat dalam pengurusan koir sekolah rendah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 1.8.2 Ahli Pengkaji

Kajian ini juga dapat menjadi bahan rujukan dan bahan bacaan bagi pengkaji kajian koir sekolah rendah pada masa akan datang kerana tidak banyak kajian akademik tentang nyanyian koir dilakukan di negara ini (Fauzila, 2018). Beliau juga menambah bahawa kekurangan kajian nyanyian koir dilakukan disebabkan kekurangan guru terlatih dalam bidang koir. Walaupun ramai pemuzik terlatih di Malaysia namun tidak ramai yang terlatih khusus dalam bidang koir.

### 1.8.3 Pendidik Muzik

Kajian ini menjadi penting bagi menambah pengetahuan pendidik-pendidik muzik khususnya mereka yang ingin menyertai pertandingan koir sekolah rendah. Matlamat kajian ini adalah untuk memberi pengetahuan serta membuka minda pendidik muzik dalam bidang koir sekolah rendah tentang ciri-ciri kumpulan koir sekolah rendah yang berprestasi cemerlang. Dengan melihat ciri-ciri kumpulan koir yang berprestasi cemerlang ini nanti, satu gambaran lengkap dapat diberikan kepada pendidik untuk memahami ciri-ciri kumpulan koir sekolah rendah berprestasi cemerlang secara mendalam dan seterusnya dapat mempersembahkan koir yang berkualiti dalam pertandingan koir sekolah rendah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi